

# UMS komited bantu kerajaan negeri pulihara spesies pupus di Sabah

NST 12.11.2019 4

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited membantu kerajaan negeri memelihara dan memulihara spesies hidupan liar, yang semakin pupus di negeri ini.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata UMS sentiasa menjalankan kajian untuk membantu, khususnya terhadap spesies badak sumbu betina yang kini hanya tinggal seekor di Sabah.

"Kita cuba untuk membiakkan (badak) malangnya kita gagal, tetapi kita akan berusaha lagi untuk menjalankan proses pembiakan dengan mendapatkan benih daripada badak jantan lain," katanya kepada pemberita selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal di

Pusat Pentadbiran Negeri di sini, kelmarin.

Selain itu katanya, UMS turut menjalankan pemuliharaan perhutanan di beberapa kawasan di Sabah bagi memastikan hutan di negeri ini terpelihara dan terjaga dengan baik.

Sementara itu dalam perkembangan lain, Taufiq berkata 4,157 graduan UMS akan menerima ijazah pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-21, pada 23 hingga 25 Nov ini.

Beliau berkata daripada jumlah itu, 62 peratus adalah graduan tempatan yang berasal dari Sabah, manakala 123 graduan adalah pelajar antarabangsa daripada 16 buah negara," katanya. -Bernama